

Tiga tokoh disebut calon Naib Canselor UPSI

SEORANG daripada tiga tokoh akademik disebut-sebut dilantik sebagai Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang kosong berikutan persaraan Prof Datuk Dr Mohammad Noor Salleh, pada 12 Disember lalu.

Antara nama itu ialah Timbalan Pengerah, Bahagian Penjaminan Kualiti, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin.

Jika dilantik, Dr Sharifah Hapsah yang sebelum ini bertugas di Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia mencatat sejarah sebagai Naib Canselor wanita yang pertama di negara ini.



Dr Sharifah Hapsah

Tokoh lain ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar - HEP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Abdullah Al-Hadi Mohamed.

Dr Abdullah lulusan kedoktoran dari Universiti Malaya dan sarjana Eastern Michigan University, Amerika Syarikat sebelum ini adalah Dekan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM.

Selain itu, Timbalan Naib Canselor (HEP), Universiti Malaysia Sabah, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin juga antara calon yang berkelayakan menduduki kerusi Naib Canselor UPSI yang baru.

Jawatan itu kini dipangku Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof Madya Dr Md Nor Saleh.

9 JANUARI 2004

- BERITA HARIAN